

24 MAY 2000

Mahathir-Ling

CAKAP-CAKAP MENGENAI KELUARGA ANTARA SEBAB LING MAHU BERHENTI

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sikap orang suka bercakap-cakap mengenai hal keluarga Datuk Seri Dr Ling Liong Sik adalah antara sebab Menteri Pengangkutan itu mahu meletakkan jawatan.

"Hal keluarga ... dia rasa tidak sedap orang kata macam-macam padanya," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Pembangunan Pusat Pameran dan Persidangan Kebangsaan di Terminal 1, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini.

Perdana Menteri berkata demikian bila ditanya adakah tindakan Dr Ling meletakkan jawatan kerana ada orang bercakap mengenai hal peribadi dan keluarga beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak mengulas lebih lanjut mengenai hal keluarga Dr Ling itu.

Ditanya lagi mengenai sebab Dr Ling meletakkan jawatan, Dr Mahathir berkata Menteri Pengangkutan itu beranggapan bahawa MCA mahukan perubahan dan sebab itulah beliau tidak mahu menghalang sebarang perubahan.

Perdana Menteri yang ditanya di mana Dr Ling mendapat tanggapan itu berkata "banyak sangat cakap-cakap dan khabar angin kononnya orang yang sepatutnya menjadi menteri tetapi tidak dapat, tetapi ini dinafikan oleh MCA".

Mengenai pertemuan beliau dengan Dr Ling hari ini, Perdana Menteri berkata beliau meminta Dr Ling bercuti dan memikirkan perkara itu kerana ia merupakan perkara sensitif.

Ditanya sama ada beliau menerima sebarang surat peletakan jawatan daripada Dr Ling, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak mahu menerima sebarang surat sehingga beliau membuat keputusan."

Dr Mahathir juga berkata Dr Ling akan bercuti selama dua minggu berkuatkuasa serta merta dan tugas beliau akan diambil alih oleh orang lain buat sementara waktu.

Dr Ling yang sepatutnya hadir pada pelancaran pameran itu bagaimanapun tidak hadir.

Ditanya sama ada beliau yakin Dr Ling akan mengekalkan jawatan kabinet beliau selepas bercuti dua minggu, Perdana Menteri berkata beliau berharap Dr Ling akan berbuat demikian.

Dr Mahathir juga berkata, pemimpin-pemimpin MCA termasuk Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek telah bertemu dengannya untuk memaklumkan yang mereka mahu Dr Ling untuk terus kekal sebagai Menteri.

"Pada awalnya apabila beliau (Dr Ling) memberitahu saya, saya fikir MCA tidak mahukan beliau lagi jadi saya hampir bersetuju dengan keputusannya tetapi kini MCA mahu beliau terus kekal, jadi oleh kerana itu saya cuba pujuk beliau supaya ubah pendiriannya," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai permintaan MCA bagi jawatan tambahan dalam Kabinet, Dr Mahathir menjelaskan; "MCA tidak meminta apa-apa. Tiada ada apa-apa permintaan walaupun selepas sahaja pilihan raya umum November lepas.

Walaupun mengetahui MCA telah menunjukkan prestasi cemerlang, mereka tidak meminta apa-apa dan mereka faham yang jika saya menambah (perwakilan MCA dalam Kabinet) yang lain (parti-parti komponen Barisan Nasional) juga akan memintanya dan itu tidak boleh dipenuhi."

Dr Mahathir juga berkata, MCA juga menjelaskan kepadanya yang mereka tidak memaksa Dr Ling membuat permintaan itu.

Perdana Menteri berkata, perkara itu diberitahu kepadanya semasa Lim,

dan tiga naib presiden iaitu Datuk Fong Chan Onn, Datuk Chan Kong Choy dan Datuk Ong Ka Ting menemui beliau di Putrajaya selepas Dr Ling mengumumkan keputusannya.

"Mereka berkata, mereka tidak pernah meminta apa-apa dan mereka mahukan beliau (Dr Ling) meneruskan dengan jawatannya," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai siapa akan menjalankan tugas Dr Ling, Dr Mahathir berkata:"Ada, kita boleh beri siapa-siapapun, banyak orang ada."

-- BERNAMA

ARA PR